

**TAHAP KESEDIAAN TERHADAP
PEMBELAJARAN ARAHAN KENDIRI DAN
HUBUNGANNYA DENGAN JENIS PSIKOLOGI
PELAJAR KOLEJ KOMUNITI DI
PULAU PINANG**

**OLEH
NORHAFIZAH BINTI ABDUL RAHMAN**

**Tesis Yang Diserahkan Untuk Memenuhi Keperluan Bagi
Ijazah Sarjana Sastera (Pendidikan)**

JULAI 2015

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan jutaan penghargaan kepada penyelia saya, Dr. Zuraidah Abdul Rahman yang telah banyak membantu serta memberi tunjuk ajar dengan cadangan yang berguna dan juga menyelia sehingga tamatnya kajian disertasi saya. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua orang yang terlibat terutamanya kepada staf Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia kerana memberi saya peluang dalam menjalani pengajian saya dalam bidang Sarjana Sastera Pendidikan dengan jayanya.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Nizuwan b. Azman dari Institut Perubatan dan Pergigian Termaju, Universiti Sains Malaysia kerana telah banyak membantu dalam menyiapkan kajian saya dari segi menjalankan kaedah kajian secara bersistematik dan mantap.

Kajian ini juga mungkin tidak dapat disempurnakan tanpa bimbingan, dorongan dan sokongan ahli keluarga saya terutamanya suami serta anak-anak saya. Akhir sekali, terima kasih kepada ibu bapa dan adik-beradik saya yang terus menyokong saya dalam mereliasasikan impian saya untuk bergelar graduan sarjana.

NORHAFIZAH ABDUL RAHMAN

JULAI 2015

SUSUNAN KANDUNGAN

	Muka surat
PENGHARGAAN	ii
SUSUNAN KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	x
SENARAI LAMPIRAN	xi
ABSTRAK	xii
ABSTRACT	xiv
BAB SATU : Pendahuluan	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Pernyataan Teori	5
1.2 Tujuan Penyelidikan	8
1.3 Objektif	8
1.4 Persoalan Kajian	9
1.5 Hipotesis Penyelidikan	9
1.6 Kerangka Teori	10
1.7 Kerangka Teori Penyelidikan	12
1.8 Bidang dan Batasan Penyelidikan	15

1.9	Definisi Operasional	16
1.9.1	Andragogi	16
1.9.2	Pembelajaran Arahan Kendiri	17
1.9.3	Jenis Psikologi	18
1.9.4	Kesediaan Pembelajaran Arahan Kendiri	19

BAB DUA : Tinjauan Bacaan

2.0	Pengenalan	20
2.1	Pembelajaran	20
2.1.1	Teori Kognitif	21
2.1.2	Teori Behavioris	21
2.1.3	Teori Sosial	22
2.1.4	Teori Humanis	23
2.2	Andragogi	24
2.3	Pembelajaran Arahan Kendiri	28
2.4	Kesediaan Pembelajaran Arahan Kendiri	32
2.5	Sejarah Jenis Psikologi	34
2.6	MBTI (The Myers-Briggs Type Indicator)	36
2.6.1	Penerangan Ringkas 16 Jenis Psikologi	38
2.6.1.1	ISTJ	38
2.6.1.2	ISFJ	39
2.6.1.3	INFJ	39
2.6.1.4	INTJ	39

2.6.1.5 ISTP	40
2.6.1.6 ISFP	40
2.6.1.7 INFP	40
2.6.1.8 INTP	41
2.6.1.9 ESTP	41
2.6.1.10 ESFP	42
2.6.1.11 ENFP	42
2.6.1.12 ENTP	43
2.6.1.13 ESTJ	43
2.6.1.14 ESFJ	43
2.6.1.15 ENFJ	44
2.6.1.16 ENTJ	44
2.7 Kersey Temperament Sorter II (KTS II)	45

BAB TIGA : Metodologi

3.0 Pengenalan	49
3.1 Rekabentuk Penyelidikan	49
3.2 Lokasi Penyelidikan	50
3.3 Populasi dan Persampelan	51
3.4 Instrumen Kajian	53
3.5 Pentadbiran Borang Soal Selidik	54
3.5.1 Maklumat Latar Belakang Responden (Demografi Pelajar)	54
3.5.2 Ujian Jenis Psikologi Pelajar	55
3.5.3 Skala Kesediaan Pembelajaran Arahan Kendiri	57

3.6	Kaedah Analisis Data	63
	3.6.1 Cara Pemarkahan SDLRS	63
3.7	Kajian Rintis	66

BAB EMPAT: Analisis Data

4.0	Pengenalan	69
4.1	Latar Belakang Responden	70
	4.1.1 Jantina dan Umur Responden	70
	4.1.2 Analisis Tahap Pembelajaran Arahan Kendiri di Kalangan Responden	72
	4.1.3 Analisis Jenis Psikologi di Kalangan Responden	76
	4.1.4 Analisis Hubungan antara Tahap Kesediaan Pembelajaran Arahan Kendiri dan Jenis Psikologi di Kalangan Responden	78
	4.1.5 Analisis Hubungan antara Tahap Kesediaan Pembelajaran Arahan Kendiri (Keseluruhan) dan Jenis Psikologi di Kalangan Responden	79
	4.1.6 Analisis Perkaitan diantara Tahap Kesediaan Pembelajaran Arahan Kendiri dan Jantina di Kalangan Responden	82
	4.1.7 Analisis Hubungan antara Tahap Kesediaan Pembelajaran Arahan Kendiri dan Jenis Psikologi di Kalangan Responden	84

BAB LIMA : Perbincangan, Rumusan dan Cadangan

5.0	Pengenalan	87
-----	------------	----

5.1	Latar Belakang Responden	88
5.2	Objektif Kajian Pertama: Analisis Tahap Pembelajaran Arahan Kendiri Di Kalangan Responden	88
5.3	Objektif Kajian Kedua: Analisis Jenis Psikologi di Kalangan Pelajar Kolej Komuniti di Pulau Pinang	90
5.4	Objektif Kajian Ketiga: Analisis Hubungan Tahap Kesediaan Pembelajaran Arahan Kendiri dengan Kategori Jenis Psikologi Pelajar Kolej Komuniti di Pulau Pinang	91
5.5	Objektif Kajian Keempat: Analisis Menentukan Samada Terdapat Perbezaan Antara Pemboleh Ubah Demografi Terpilih iaitu Jantina dengan Tahap Kesediaan Pembelajaran Arahan Kendiri di Kalangan Pelajar.	93
5.6	Permasalahan Kajian	94
5.7	Cadangan	94
	5.7.1 Cadangan kepada Kolej Komuniti	95
	5.7.2 Cadangan kepada Pelajar	96
	5.7.3 Cadangan kepada Tenaga Pengajar	97
	5.7.4 Cadangan kepada Kajian Lanjutan	98
5.8	Kesimpulan	99
	RUJUKAN	101

SENARAI JADUAL

	Muka surat
Jadual 2.0: Jenis Skala MBTI	38
Jadual 3.0: Bilangan Pelajar Mengikut Kolej Komuniti di Pulau Pinang pada Sesi Januari 2012 Pengajian	51
Jadual 3.1: Jumlah Sampel yang Diperlukan Mengikut Kolej Komuniti	52
Jadual 3.2: Maklumbalas yang Diterima	53
Jadual 3.3: Maklumat Borang Soal Selidik Pelajar	54
Jadual 3.4: Jadual Penentu Jenis Psikologi	55
Jadual 3.5: Pembahagian Soalan Berdasarkan Faktor	62
Jadual 3.6: Skala Likert SDLRS	62
Jadual 3.7: Skor dan Tahap SDLRS	64
Jadual 3.8: Nilai Skor dan Tahap SDLRS	65
Jadual 3.9: Nilai Skor dan Tahap SDLRS	65
Jadual 4.0: Jadual Kekerapan Mengikut Jantina dan Umur	70
Jadual 4.1: Taburan Responden Mengikut Keturunan	71
Jadual 4.2: Jadual Kekerapan Keputusan Peperiksaan Terkini	71
Jadual 4.3: Persepsi Responden Terhadap Kesediaan Pembelajaran Arahan Kendiri	72
Jadual 4.4: Jenis Psikologi (Artisan)	76
Jadual 4.5: Jenis Psikologi (Guardian)	77
Jadual 4.6: Jenis Psikologi (Rational)	77
Jadual 4.7: Jenis Psikologi (Idealist)	78
Jadual 4.8: Hubungan Tahap Kesediaan Pembelajaran Arahan Kendiri	

Dan Psikologi Responden secara Keseluruhan	78
Jadual 4.9: Perkaitan Tahap Kesediaan Pembelajaran Arahan Kendiri	
Mengikut Psikologi Responden secara Individu	79
Jadual 4.10: Perkaitan Tahap Kesediaan Pembelajaran Arahan Kendiri	
Mengikut Jantina Responden	81
Jadual 4.11: Perbandingan Tahap Kesediaan Pembelajaran Arahan Kendiri	
Mengikut Jantina Responden	83
Jadual 4.12: Perbandingan Tahap Kesediaan Pembelajaran Arahan Kendiri	
Mengikut Jenis Psikologi Responden	85

SENARAI RAJAH

Muka surat

Rajah 1.0: Kerangka Teori Self-Directed Learning (SDL)	11
Rajah 1.1: Kerangka Teori Penyelidikan	13
Rajah 2.0: Perspektif Pembelajaran Arahan Kendiri	30
Rajah 2.1: Empat Sifat (Temperament) Keirsey	46
Rajah 3.0: Nilai Kebolehpercayaan Setiap Sektor	67
Rajah 3.1: Nilai Kebolehpercayaan Semua Item	68

SENARAI LAMPIRAN

Muka surat

**Borang Soal Selidik Pelajar Tahap Kesediaan Pembelajaran Arahan
Kendiri Dan Hubungannya Terhadap Jenis Psikologi Pelajar Kolej
Komuniti Pulau Pinang**

112

**TAHAP KESEDIAAN PEMBELAJARAN ARAHAN KENDIRI DAN
HUBUNGANNYA TERHADAP JENIS PSIKOLOGI
PELAJAR KOLEJ KOMUNITI PULAU PINANG**

ABSTRAK

Kolej Komuniti ditubuhkan dibawah kelulusan Jemaah Menteri pada 5 Julai 2000 dan melalui penubuhan ini, ia bakal memberi impak kepada lepasan menengah sebelum ke bidang pekerjaan berdasarkan latihan dan kemahiran yang dipelajari. Pembelajaran arahan kendiri merupakan salah satu proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang diterapkan di Kolej Komuniti bagi mencapai saranan Kementerian Pengajian Tinggi. Kajian berasaskan pembelajaran arahan kendiri ini bertujuan untuk mengenalpasti, mengukur dan melaporkan hubungan antara tahap kesediaan pembelajaran arahan kendiri di kalangan pelajar Kolej Komuniti Pulau Pinang dengan jenis psikologi pelajar. Seterusnya kajian ini dapat menentukan serta meramalkan jenis psikologi pelajar dalam menggunakan kemahiran pembelajaran arahan kendiri mereka. Seramai 339 maklum balas telah diterima dalam kajian ini dengan peratusan tertinggi ialah dari kalangan kaum Melayu. Tahap kesediaan pembelajaran arahan kendiri (Self-Directed Learning Readiness Scale) diukur menggunakan 8 elemen iaitu Terbuka terhadap peluang pembelajaran, Konsep kendiri pelajar, Inisiatif pelajar, Penerimaan tanggungjawab terhadap pembelajaran diri sendiri, Suka terhadap pembelajaran, Kreativiti, Melihat pembelajaran sebagai aktiviti sepanjang hayat dan Pemahaman kendiri. Hasil kajian dalam objektif pertama mendapati tahap kesediaan pelajar berada atas sederhana bagi elemen-elemen berikut: bahawa penerimaan pelajar-pelajar terhadap pembelajaran; menghormati mereka yang suka mempelajari perkara baru serta

berfikiran positif dan umur tidak akan menjadi penghalang kepada pencarian ilmu menjadi sebahagian kepada penemuan kajian ini. Dapatan kedua juga menunjukkan majoriti pelajar yang terlibat dalam kajian ini berada dalam kumpulan yang bertanggungjawab dengan tugasan yang diberikan (Guardian) berbanding kumpulan yang lain (Artisan, Rational dan Idealist). Bagi objektif ketiga pula, kumpulan jenis psikologi pelajar terdiri dari kumpulan yang suka mentadbir dengan adanya ciri-ciri seperti bertanggungjawab dan produktif. Hasil ujian ANOVA Sehala juga menunjukkan hanya faktor Terbuka terhadap peluang pembelajaran dan Pemahaman kendiri sebagai faktor Tahap Kesediaan Pembelajaran Arahan Kendiri (TKPAK) yang mempunyai perbezaan purata secara signifikan terhadap jenis psikologi. Objektif yang terakhir membuktikan jantina pelajar di berada tahap yang berbeza dari segi mempengaruhi keinginan terhadap pembelajaran dan pemahaman kendiri. Secara puratanya, tahap kesediaan pembelajaran arahan kendiri responden berada tahap Di Atas Sederhana (3.57). Kesimpulannya, maklumat-maklumat yang diperolehi dalam kajian TKPAK ini mampu menjadi medium bantuan kepada para tenaga pengajar untuk membentuk teknik yang sesuai bagi penerimaan pengajaran sepenuhnya oleh pelajar.

**SELF-DIRECTED LEARNING READINESS SCALE AND ITS
RELATIONSHIP TOWARDS THE TYPE OF PSYCHOLOGY OF PENANG
COMMUNITY COLLEGE STUDENTS^{*}**

ABSTRACT

The purpose of this study based on self-learning instruction is to identify, measure and to report on the relationship between the levels of readiness and types of psychological among Penang Community College students. Thus this study can determine and predict the students' type of psychology based on their self-learning instruction. A total of 339 responses were received in this study with the highest percentage was among the Malays. The readiness of self-learning instruction (Self-Directed Learning Readiness Scale) was measured using eight elements, namely open for learning opportunities, students' self-concept, student initiative, acceptance of self-learning responsibility, interest of learning, creativity, sees learning as a lifelong activity and self-perception. The study has found out in the first objective that the SDLRS scale is at upper-medium level for these elements: acceptance of students towards learning; respect for those who love to learn on new things; think positive and age is not a barrier to seek knowledge. The second objective also showed that the majority of students involved in this study were in the group that are responsible for the assignment (Guardian) compared to the other groups (Artisan, Rational and Idealist). For the third objective, the students' group type of psychology consists of those who like to administer with the characteristics such as responsible and productive. One-way

ANOVA test results also showed that only factor of open for learning opportunities and self-perceptions as a factor of Self-Directed Learning Readiness Scales (SDLRS) which having an average difference significantly on the type of psychology. The last objective is to prove students' gender as at the different levels in terms of influencing the desire for self-learning and understanding. On the average, the self-directed learning readiness scales were at a medium level (3.57). In conclusion, the information obtained in this SDLRS study can become a medium to help teachers to develop appropriate techniques for teaching acceptance by students.

Bab 1

Pendahuluan

1.0 Pengenalan

Pada 5 Julai 2000, Jemaah Menteri telah meluluskan Memorandum No. 398/2225/00 yang disediakan Kementerian Pendidikan tentang konsep penubuhan dan pelaksanaan Kolej Komuniti di setiap kawasan parlimen. Kolej ini akan menjadi institusi yang menyediakan keperluan latihan dan kemahiran pada semua peringkat dan memberi peluang pendidikan kepada lepasan menengah sebelum ke pasaran tenaga kerja atau melanjutkan pendidikan ke peringkat lebih tinggi.

Di negara maju, pendidikan teknikal dan latihan vokasional menjadi antara pilihan utama pelajar kerana ianya menyediakan prospek kerjaya yang baik. Sebaliknya di negara kita, ianya dilihat sebagai pilihan terakhir kerana persepsi prospek kerjaya yang terhad. Andaian negatif ini harus disangkal. Pendidikan teknikal dan latihan vokasional sebenarnya

menyediakan landasan alternatif yang baik bagi para pelajar merealisasikan potensi mereka (Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak, 2010). Oleh yang demikian penubuhan kolej komuniti ibarat sepohon pokok yang rendang, tempat tumpuan dan perhatian semua lapisan masyarakat sebagai Hab Pembelajaran Sepanjang Hayat yang selari dengan slogan Kolej Komuniti “ Peneraju Komuniti Berilmu & Berkemahiran”. Kini Kolej Komuniti beraspirasi untuk memperbanyakkan program “skill-based”, meneroka program-program ‘apprenticeship training’ dan memberi fokus kepada golongan tercicir (Y.B Dato' Seri Mohamed Khaled Bin Nordin). Kini Kolej Komuniti telah menjadi sebagai salah sebuah institusi pendidikan tinggi di Malaysia.

Pada fasa pertama, sebanyak 12 buah Kolej Komuniti taraf rintis telah ditubuhkan pada sekitar tahun 2001, setelah itu penubuhan Kolej Komuniti yang lain di seluruh negara giat dibangunkan selaras dengan RMK 9 (Rancangan Malaysia Ke-9) dan RMK 10 (Rancangan Malaysia Ke-10). Pelbagai program ditawarkan bagi memberi peluang kepada mereka yang memerlukan kemahiran-kemahiran asas di samping menyahut saranan kerajaan untuk mewujudkan masyarakat yang berilmu dan berkemahiran.

Proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di institusi ini meliputi pelbagai teknik dan strategi bagi memastikan kualiti pelajar yang dihasilkan di kolej ini berada pada tahap yang terbaik. Pembelajaran dan pengajaran (P&P) adalah suatu proses yang berterusan samada secara formal atau tidak formal di dalam kehidupan kita. Menurut Robert M.Gagne (1970) pembelajaran adalah perubahan tingkah laku atau kebolehan seseorang yang dapat dikekalkan, tidak termasuk perubahan yang disebabkan oleh proses pertumbuhan. Semua Kolej Komuniti Pulau Pinang merupakan institusi pendidikan yang

menyediakan pembelajaran secara formal pada pelajar lepasan sekolah dan yang pernah bekerja.

Pembelajaran di semua Kolej Komuniti Pulau Pinang hanya dapat dilaksanakan dengan berkesan apabila wujud aktiviti pengajaran. Pengajaran merupakan aktiviti atau proses yang berkaitan dengan penyebaran ilmu pengetahuan atau kemahiran yang tertentu. Ahli-ahli pendidik progresivisme seperti W.H.Kilpatrick (1871-1965) berpendapat pengajaran harus berpusatkan murid bukan guru. Ini diperkuuhkan lagi oleh Carl Rogers (1902-1987) apabila beliau menyatakan di dalam Prinsip-Prinsip Pendekatan Pendidikan Roger (Keow, 2011) bahawa beliau mengutamakan pendidikan berpusatkan pelajar.

Terdapat pelbagai strategi pembelajaran – pengajaran yang diutarakan untuk memastikan proses pembelajaran dan pengajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan. Pembelajaran arahan kendiri adalah salah satu strategi yang dapat digunakan bagi memastikan P&P dilaksanakan dengan lancar. Pembelajaran ini amat bersesuaian dengan pembelajaran pada mereka yang telah dewasa. Menurut Knowles, M.S (1975), pembelajaran arahan kendiri adalah merujuk kepada suatu proses di mana individu mengambil inisiatif, sama ada dengan bantuan orang lain atau tidak, untuk mengenalpasti keperluan pembelajaran mereka sendiri, membentuk matlamat pembelajaran, mengenalpasti sumber bahan mentah dan sumber manusia bagi pembelajaran, memilih dan mengimplementasikan strategi pembelajaran yang sesuai dan menilai hasil pembelajaran mereka.

Di samping itu, elemen penting di dalam bidang pengajaran dan pembelajaran yang perlu juga diberi perhatian adalah psikologi pelajar. Menurut Kamus Dewan, Edisi Ketiga 2002, psikologi juga membawa maksud kebijaksanaan memahami sifat manusia. Ini secara

tidak langsung sifat dan juga keperibadian iaitu personaliti (Kamus Dwibahasa, Edisi Kedua, 2001) memberi kesan di dalam cara pembelajaran pelajar (Wilz, 2002). Proses pengajaran dan pembelajaran menghasilkan karisma yang unik di antara pengajar dan pelajar kerana berlainan pengajar mengamalkan gaya pengajaran yang berlainan dan pelajar yang berbeza mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza. Untuk memahami motivasi dan gaya pembelajaran pelajar, adalah penting untuk memahami jenis personaliti pelajar itu sendiri (Lawrence, 1993). Jenis personaliti adalah semulajadi dan boleh meramal perbezaan gaya pembelajaran dan refleksi pelajar terhadap kaedah pengajaran. Dengan memahami jenis personaliti ianya membantu kita menjelaskan kenapa terdapat pelajar yang boleh menerima dan suka pada sesuatu cara pengajaran yang sebaliknya tidak disukai oleh pelajar lain (Myers dan Myers, 1980).

Oleh yang demikian, pengkaji terpanggil untuk mengkaji samada pelajar di semua Kolej Komuniti Pulau Pinang ini telah bersedia menggunakan strategi pembelajaran berteraskan arahan kendiri. Untuk mengetahui dengan mendalam tentang tahap kesediaan pelajar, psikologi mereka juga perlu di ambilkira untuk memastikan bagaimana cara terbaik untuk melaksanakan strategi pembelajaran arahan kendiri itu nanti. Ini adalah kerana sekiranya strategi ini digunakan di semua Kolej Komuniti Pulau Pinang dalam keadaan pelajarnya tidak bersedia dari segi psikologi maka hasil pengajaran dan pembelajaran akan memberi kesan yang tidak memuaskan.

1.1 Penyataan Teori

Penyelidikan ini bertitik tolak daripada Program Pengukuhan Kolej Komuniti yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Tan Seri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri, Malaysia pada 14 Julai 2010, di mana Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia akan memastikan Kolej Komuniti dapat memperbanyakkan program *skill-based*, meneroka program-program *apprenticeship training* dan memberi fokus kepada golongan masyarakat yang tercicir. Selain itu, Kolej Komuniti telah turut memikul usaha untuk memajukan proses pembelajaran sepanjang hayat bagi golongan masyarakat terbanyak (Nordin, M.K. 2010).

Rentetan itu, pihak Kolej Komuniti telah merangka pelbagai kaedah dan cara bagi memastikan objektif di atas tercapai. Salah satu daripadanya adalah ciri-ciri kurikulum yang disediakan adalah menjurus kepada pendekatan memupuk pembelajaran aktif dan kendiri, dan juga kerja berpasukan. Pendekatan ini akan digunakanapakai di dalam tempoh latihan/pengajian. Ini dapat memberi fokus kepada pelbagai jenis tahap akademik pelajar dan sesuai dengan sasaran Kolej Komuniti.

Objektif Kolej Komuniti adalah menyediakan pendidikan yang berkualiti, berteknologi tinggi dan holistik dengan menganjurkan dan menyediakan latihan peningkatan kemahiran (*up-skilling*), latihan pemantapan kemahiran (*re-skilling*), dan latihan sangkutan (*attachment training*) untuk keperluan tenaga kerja setempat.

Berdasarkan senario di atas, proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan perlu dititik beratkan di semua Kolej Komuniti di Pulau Pinang bagi memastikan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (Nordin, M.K. 2010) tercapai. Bagi menghadapi cabaran pembelajaran berteraskan kemahiran adalah dirasakan perlu pelajar didedahkan dengan pembelajaran arahan kendiri. Ini adalah kerana menurut Kat Wehrheim, SummitSkills dan Stuart Wood dari Universiti Nottingham/Leapahead (2009) di dalam penulisan mereka yang membabitkan bidang kemahiran dan teknikal “*Easing People At Work Into Self-Directed Learning: A New Role For Eportfolios*” semakin tinggi kemampuan kita untuk memperkenalkan kepada pekerja/pelajar dan majikan/ketua tentang penggunaan konsep pembelajaran arahan kendiri semasa bekerja/belajar, maka semakin tinggi sifat dorongan rasa ingin tahu dan berinovasi pekerja/pelajar dan majikan/ketua di masa hadapan. Seperti yang dibincangkan sebelum ini kurikulum di Kolej Komuniti adalah berteraskan kepada kemahiran dan teknologi, justeru di era permodenan ini teknologi dan kemahiran sentiasa berkembang dari masa ke semasa maka pelajar perlu peka terhadap perkembangan ini supaya mereka akan mendapat tempat di alam pekerjaan kelak.

Dalam konsep pembelajaran kendiri, pelajar sendiri yang menentukan dari awal proses pembelajaran sehingga mencapai matlamat yang diingini. Walaupun proses ini banyak bergantung pada inisiatif pelajar itu sendiri, namun ini tidak bermakna mereka tidak memerlukan bantuan daripada sumber lain. Mereka masih memerlukan sumber-sumber lain termasuk sumber material dan manusia (Abdul Hamid, M.A., *et.al*, 2004).

Penyelidikan perlu dilakukan terhadap pelajar Kolej Komuniti di Pulau Pinang bagi mengetahui sejauh mana tahap kesediaan mereka untuk menggunakan kaedah pembelajaran

aranan kendiri ini. Ini penting kerana sekiranya pelajar tidak bersedia secara optimum maka akan wujud pelbagai halangan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku.

Selain itu terdapat satu lagi entiti yang perlu diberi penekanan iaitu faktor psikologi pelajar. Jika idea pembelajaran arahan kendiri dipandang sebagai proses yang terdiri dari kedua-dua kaedah pembelajaran dan ciri-ciri keperibadian individu (personaliti), maka adalah penting untuk kita mempertimbangkan bagaimana dua dimensi ini saling berkait (Brockett dan Hiemstra, 1991). Seterusnya, menurut Hashim dan Yaakub (2003) dalam penerbitan mereka mengenai mengenali personaliti dan psikologi, ada menyatakan bahawa pembelajaran dan personaliti tidak dapat dipisahkan. Seseorang pendidik, ibu bapa, dan pelajar itu sendiri perlu mengetahui dengan lebih mendalam berkenaan teori pembelajaran dan personaliti untuk memudahkan mereka memahami bagaimana proses pembelajaran itu berlaku.

Pelajar Kolej Komuniti di Pulau Pinang mungkin menghadapi masalah apabila terpaksa berdepan dengan kaedah pembelajaran arahan kendiri yang digunakan oleh pensyarah. Mungkin ada dikalangan mereka yang belum bersedia atau mungkin ada yang tidak boleh mengikuti sepenuhnya kaedah ini berikutan faktor psikologi mereka yang tidak sesuai dengan kaedah pembelajaran seperti ini.

Menurut kajian (Omar, A. *et.al*, 2010) mendapati pendekatan psikologi penting terutama kepada pelajar yang lemah dan digalakkan agar pensyarah terus membimbang mereka supaya mereka lebih bersemangat untuk belajar. Pelajar juga perlu berusaha untuk memahami jenis psikologi yang dimiliki oleh mereka di samping rakan-rakan yang lain dan cuba untuk menerima serta menyesuaikan diri mereka dengan pendekatan pengajaran dan

pembelajaran yang dipraktikkan di Kolej Komuniti (Omar, A. *et.al*, 2010). Oleh yang demikian, pengkaji merasakan penyelidikan ini penting bagi memantapkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti di Pulau Pinang agar dapat melahirkan generasi tenaga kerja yang berkualiti, berkemahiran tinggi dan berilmu kepada masyarakat.

1.2 Tujuan Penyelidikan

Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk mengenalpasti, mengukur dan melaporkan hubungan antara tahap kesediaan pembelajaran arahan kendiri di kalangan pelajar Kolej Komuniti Pulau Pinang dengan jenis psikologi pelajar. Tujuan yang lebih khusus tentang penyelidikan ini dijelaskan dalam objektif penyelidikan.

1.3 Objektif

Kajian ini dijalankan untuk memenuhi objektif-objektif berikut:

- i. Mengenalpasti tahap kesediaan pembelajaran arahan kendiri di kalangan pelajar Kolej Komuniti di Pulau Pinang
- ii. Mengenalpasti jenis psikologi yang dimiliki oleh pelajar Kolej Komuniti di Pulau Pinang
- iii. Mengenalpasti hubungan antara tahap kesediaan pembelajaran arahan kendiri dengan jenis psikologi pelajar Kolej Komuniti di Pulau Pinang.
- iv. Menentukan sama ada terdapat perbezaan antara pemboleh ubah demografi terpilih iaitu jantina dengan tahap kesediaan pembelajaran arahan kendiri di kalangan pelajar Kolej Komuniti di Pulau Pinang.

1.4 Persoalan kajian

Terdapat empat persoalan utama kajian ini iaitu:

1. Apakah tahap kesediaan pembelajaran arahan kendiri di kalangan pelajar Kolej Komuniti di Pulau Pinang?
2. Apakah jenis psikologi yang dimiliki oleh pelajar di Kolej Komuniti di Pulau Pinang?
3. Adakah terdapat hubungan di antara tahap kesediaan pembelajaran arahan kendiri dengan jenis psikologi dikalangan pelajar Kolej Komuniti di Pulau Pinang?
4. Adakah terdapat perbezaan di antara pemboleh ubah demografi terpilih iaitu jantina dengan tahap kesediaan pembelajaran arahan kendiri di kalangan pelajar Kolej Komuniti di Pulau Pinang?


1.5 Hipotesis Penyelidikan

Hipotesis penyelidikan ini adalah:

- 1.5.1** Terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kesediaan pembelajaran arahan kendiri dengan jenis psikologi di kalangan pelajar Kolej Komuniti Pulau Pinang.
- 1.5.2** Terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap kesediaan pembelajaran arahan kendiri dan demografi terpilih iaitu jantina di kalangan pelajar Kolej Komuniti di Pulau Pinang

1.6 Kerangka Teori

Penyelidikan ini dijalankan berdasarkan kepada teori yang mempunyai kaitan dengan pembelajaran arahan kendiri dan jenis psikologi. Salah satu daripada teori yang terlibat adalah “Personal Responsibility Orientation (PRO)”, model yang diperkenalkan oleh Brockett dan Hiemstra (1991). Model ini direka untuk mengenalpasti perbezaan dan persamaan di antara pembelajaran arahan kendiri (self-directed learning) sebagai kaedah instruksi dan juga pelajar arahan kendiri (learner self-direction) sebagai karakter personaliti. Brockett and Hiemstra (1991) menyediakan dua orientasi di dalam pembangunan pemahaman pembelajaran arahan kendiri atau self-directed learning (SDL) iaitu proses dan matlamat. Orientasi pertama yang diutarakan adalah, SDL di gambarkan sebagai proses di mana pelajar mempunyai tanggungjawab utama untuk merancang, melaksanakan dan menilai proses pembelajaran. Manakala orientasi kedua pula SDL dirujuk sebagai matlamat, di mana ianya difokuskan terhadap hasrat pelajar untuk menganggap belajar adalah tanggungjawab sendiri. Teori psikologi yang digunakan bagi kajian ini adalah teori Carl Jung (1971) yang menghuraikan empat pasangan kategori sahsiah untuk memerihal pelajar, iaitu *extraversion-introversion, sensing-intuition, thinking-feeling, dan judging perceiving*. Kerangka teori boleh dirujuk pada Rajah 1.0.




Rajah 1.0 : Kerangka Teori Self-Directed Learning (SDL)

1.7 Kerangka Teori Penyelidikan

Penyelidikan ini ingin melihat hubungan di antara kesediaan pelajar terhadap pembelajaran arahan kendiri dengan jenis psikologi di kalangan pelajar Kolej Komuniti di Pulau Pinang.

Berdasarkan kepada kajian yang ingin dijalankan satu kerangka teori penyelidikan (Rajah 1.1) di bangunkan untuk menjelaskan tahap kesediaan pembelajaran arahan kendiri dan hubungannya dengan jenis psikologi pelajar Kolej Komuniti di Pulau Pinang.



Rajah 1.1 : Kerangka Teori Penyelidikan

Penyelidikan ini penting untuk menentukan tahap kesediaan pelajar Kolej Komuniti Pulau Pinang untuk mengaplikasikan konsep pembelajaran arahan kendiri. Ini berikutan pelajar kolej adalah lepasan sekolah di mana mereka boleh di kategorikan sebagai orang dewasa. Sebagai orang dewasa, mereka menjadi kurang bergantung dan lebih bersifat kendiri, mereka menyemai keperluan untuk diiktiraf dan seorang manusia yang tidak bergantung harap kepada orang lain (Merriam, *et.al*, 2007). Mereka perlu mempunyai semangat untuk mencari dan meneroka sendiri dalam mendalami sesuatu bidang ilmu dan kemahiran supaya mereka dapat bersaing di dalam era globalisasi nanti. Menurut Stephen Lieb (1991), beliau menyatakan bahawa salah satu motivasi pembelajaran orang dewasa adalah berkenaan pencapaian kendiri, iaitu untuk mencapai status yang baik di dalam pekerjaan, meningkatkan pencapaian profesionalisme dan seterusnya sanggup memberi pesaingan.

Penyelidikan ini juga penting untuk menentukan/meramal pelajar yang mempunyai jenis psikologi yang bagaimana yang telah bersedia untuk menggunakan kemahiran pembelajaran arahan kendiri. Ini penting bagi tenaga pengajar untuk memberi dorongan kepada pelajar untuk memantapkan lagi kaedah pembelajaran mereka. Selain itu, penyelidikan ini juga boleh menetukan/meramal pelajar yang mempunyai jenis psikologi yang bagaimana yang masih belum bersedia menjalankan pembelajaran arahan kendiri. Hasil ini penting bagi pensyarah untuk memberi tunjuk ajar kepada pelajar tentang bagaimana untuk melaksanakan pembelajaran arahan kendiri dengan sebaik mungkin. Menurut buku *People Types and Tiger Stripes* (Lawrence, 1993) menyatakan guru seharusnya diperkenalkan kepada jenis teori psikologi dan kegunaannya di dalam kelas. Penyelidikan yang dibuat

menentukan jenis psikologi serta kaedah menyediakan wawasan baru bagi meningkatkan tatacara pembelajaran untuk para pelajar.

Hasil penyelidikan ini dapat membantu tenaga pengajar untuk meningkatkan lagi mutu pengajaran mereka bagi menghasilkan output/pelajar yang berkualiti. Pengajar dapat mengenalpasti kelemahan dan kekuatan di dalam pelaksanaan strategi pembelajaran arahan kendiri yang akan mereka gunakan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka.

Seterusnya, penyelidikan ini juga dapat membantu pihak yang bertanggungjawab menyesuaikan kurikulum di Kolej Komuniti dengan memenuhi semua jenis psikologi pelajar. Mereka boleh menggunakan alat bantu mengajar yang sesuai sebagai medium untuk membantu pelajar Kolej Komuniti untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam mengaplikasikan pembelajaran arahan kendiri.

Kesimpulannya, dapatan-dapatan di dalam penyelidikan ini dapat memberi manfaat kepada bidang pendidikan orang dewasa amnya dan kepada pihak Kolej Komuniti khususnya. Seterusnya, penyelidikan ini dapat meningkatkan kesahaman pihak yang bertanggungjawab terutamanya tenaga pengajar agar dapat menolong mereka dalam usaha meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran mereka.

1.8 Bidang dan Batasan Penyelidikan

Berikut diuraikan perkara yang menjadi batasan dalam kajian ini. Bagi menjamin hasil kajian yang berkualiti, penyelidik harus mengetahui batas-batas kajian supaya hasil kajian dapat dimanfaat serta dapat diaplikasikan di tempat yang lain pada masa akan datang.

Batasan kajian ini adalah seperti berikut:

- 1.8.1** Sebarang hasil penemuan kajian ini adalah terbatas kepada pelajar Sijil Kolej Komuniti Pulau Pinang sahaja. Oleh yang demikian, sebarang penemuan berkaitan kesediaan pembelajaran arahan kendiri tidak boleh digeneralisasikan kepada semua pelajar Kolej Komuniti di Malaysia yang lain. Ini kerana sampel kajian tidak mewakili semua pelajar Kolej Komuniti di Malaysia.
- 1.8.2** Pengukuran jenis psikologikal pelajar adalah hanya merujuk kepada kelompok pelajar Sijil Kolej Komuniti di Pulau Pinang sahaja. Memandangkan sampel kajian tidak mewakili semua pelajar Kolej Komuniti di Malaysia maka sebarang bentuk generalisasi tidak boleh dilakukan kepada semua pelajar Kolej Komuniti di Malaysia.

1.9 Definisi Operasional

Pengkaji merasakan adalah perlu untuk menerangkan definisi konseptual sebagai panduan dan rujukan khususnya bagi menjelaskan konsep yang dikaji.

1.9.1 Andragogi

Pembelajaran dewasa atau lebih dikenali sebagai andragogi agak sukar untuk didefinisikan kerana maksudnya agak luas dan ramai tokoh yang memberikan pandangan yang berbeza-beza. Pada tahun 1968, Malcolm Knowles telah mencadangkan andragogi sebagai "label baru dan teknologi baru" orang dewasa belajar untuk membezakannya dari sekolah pradewasa. Konsep andragogi yang ditakrifkan sebagai "seni dan ilmu membantu orang dewasa belajar," itu berbeza dengan pedagogi, iaitu "seni dan ilmu untuk membantu anak-anak belajar" (Knowles, 1980). Andragogi menjadi titik pertemuan bagi seseorang

yang cuba untuk mentakrifkan bidang pendidikan dewasa sebagai suatu aspek yang terasing daripada bidang pendidikan (Merriam, 2001). Terdapat beberapa andaian andragogi yang diberikan oleh Knowles (1980). Antara andaianya adalah; orang dewasa perlu tahu mengapa mereka perlu belajar, orang dewasa perlu belajar melalui pengalaman, orang dewasa belajar berdasarkan pemasatan masalah dan orang dewasa belajar dengan lebih berkesan apabila sesuatu topik itu bernilai.

Carl R.Rogers menyatakan pembelajaran adalah berdasarkan kepada lima hipotesis asas dan di antaranya hipotesis yang pertama iaitu, ‘Seseorang tidak boleh mengajar orang lain secara langsung, sebaliknya seseorang hanya boleh memudahkan pembelajaran orang lain’. Hipotesis ini dipetik daripada teori personaliti beliau yang menyatakan setiap individu wujud dalam perubahan secara berterusan melalui pengalaman yang dimiliki (Abdul Hamid, M.A., *et.al*, 2004).

1.9.2 Pembelajaran Arahan Kendiri

Terdapat pelbagai definisi yang dibincangkan tentang pembelajaran arahan kendiri ini mengikut pandangan tokoh-tokoh akademik dunia. Maka timbul kekeliruan di dalam definisi pembelajaran arahan kendiri; ini termasuklah perancangan arahan kendiri, pengajaran kendiri, pembelajaran autonomi , pembelajaran ketidakbergantungan dan pembelajaran jarak jauh (Brockett dan Hiemstra 1991). Knowles (1975) menawarkan definisi yang diterima secara meluas tentang pembelajaran arahan kendiri atau lebih dikenali sebagai *SDL (Self-Directed Learning)* : Dalam erti kata yang luas, "*self-directed learning*" menggambarkan proses di mana individu mengambil inisiatif, dengan atau tanpa bantuan orang lain, dalam mendiagnosis keperluan belajar, merumuskan tujuan pembelajaran,

mengenalpasti sumber individu dan material untuk belajar, memilih dan melaksanakan pembelajaran yang sesuai dengan strategi, dan menilai hasil pembelajaran tersebut (International Journal of Self Directed Learning, 2006).

Pada masa kini, pembelajaran arahan kendiri boleh dikatakan menjadi suatu amalan biasa dalam kehidupan sejajar dengan perkembangan terkini teknologi komputer. Semua maklumat dapat diperolehi melalui teknologi atas talian yang semakin berkembang dari sehari ke sehari.

1.9.3 Jenis Psikologi

Menurut Kamus Dewan, Edisi Ketiga 2002, psikologi membawa maksud kebijaksanaan memahami sifat manusia. Manakala personaliti ditakrifkan sebagai keperibadian (Kamus Dwibahasa, Edisi Kedua, 2001). Kedua-dua terma ini digunakan oleh Carl Jung (1971) di dalam teorinya iaitu Jenis Psikologi. Carl Gustav Jung menjelaskan keperibadian manusia berdasarkan tujuannya dalam kehidupan yang dipengaruhi oleh masa lalu dan masa depan manusia. Jung menjelaskan berbagai macam struktur *Psyche*, topologi keperibadian manusia berdasarkan sikap dan fungsi dominan yang dimiliki oleh manusia itu, mekanisme pergerakan tenaga psikis dan tahap perkembangan keperibadiannya. Penerangan ini jelas membuktikan Jung menggunakan perkataan-perkataan yang merujuk juga kepada personaliti dan juga sifat manusia.

Zainal dan Mohd Sharani (2004) menyatakan personaliti adalah ciri-ciri keseluruhan tingkah laku manusia sama ada yang dapat dilihat atau tidak. Personaliti juga memberi gambaran tentang tingkah laku seseorang. Antara teori yang cuba menerangkan kepada kita

mengenai pesonaliti ialah Teori Jenis Psikologi (*Theory of Psychology Types*) yang diasaskan oleh Carl Jung (dalam Gallen, 1997). Carl Jung (1875-1961) menyatakan bahawa ada dua aspek penting keperibadian iaitu sikap dan fungsi. Sikap terdiri daripada *introvert* dan *ekstrovert*, sedangkan fungsi terdiri daripada pemikiran (*thinking*), perasaan (*feeling*), deria (*sensing*) dan persepsi (*intuiting*). Maka seterusnya diperolehi topologi Jung iaitu, *introversion-thinking, extraversion-thinking, introversion-feeling, extraversion-feeling, introversion-sensation, extraversion-sensation, introversion-intuiting dan extraversion-intuiting*.

1.9.4 Kesediaan Pembelajaran Arahan Kendiri

Menurut Knowles (1975), kesediaan untuk belajar merujuk kepada tempoh masa yang boleh diajar dan menggariskan satu senarai tugas sepanjang hayat bagi pelajar muda, tua, dan berumur sederhana. Dalam erti kata yang lain kesediaan pembelajaran arahan kendiri adalah keadaan sejauh mana yang dirasakan diri untuk memiliki sikap dan kemahiran yang diperlukan untuk menjadi pelajar yang mengamalkan pembelajaran arahan kendiri. Seterusnya kesediaan pembelajaran arahan kendiri ini dapat diukur menggunakan *Self-Directed Learning Readiness Scale* yang telah dibangunkan oleh Gaugliemino (1977).

Bab 2

Tinjauan Bacaan

2.0 Pengenalan

Dalam bab ini, perbincangan akan menjurus kepada bahan-bahan bacaan dan penyelidikan-penyelidikan lepas yang berkaitan dengan teori-teori dan model pembelajaran, pembelajaran arahan kendiri dan kesediaan pembelajaran arahan kendiri. Latar belakang teori dan penyelidikan yang berkaitan dengan jenis psikologi juga akan diperincikan termasuk teori dan model hubungan antara pembelajaran arahan kendiri dan jenis psikologi. Pengkaji juga merasakan perlu untuk meninjau bahan-bahan bacaan tentang pembelajaran orang dewasa (andragogi) bagi memantapkan hasil penyelidikan ini.

2.1 Pembelajaran

Pembelajaran adalah proses pengumpulan maklumat dan matlamat secara berterusan yang berlaku dalam diri individu sejak dilahirkan. Ia berlaku dalam dua bentuk iaitu secara disedari ataupun tidak disedari. Pembelajaran berlaku akibat aktiviti kendiri si pelajar seperti aktiviti latihan, pemerhatian, berfikir dan kadang-kadang dengan pertolongan orang lain seperti ibu bapa dan guru. Pembelajaran dapat dibezakan daripada pertumbuhan dan perkembangan. Pertumbuhan dan perkembangan adalah proses apabila kebolehan kita berubah akibat proses kematangan yang semula jadi dan bukan akibat usaha kita sendiri (Abdul Hamid, M.A., *et.al*, 2004).

Menurut Mok Soon Sang (2007), konsep pembelajaran yang berlandaskan teori-teori pembelajaran masa kini boleh diklasifikasikan kepada empat teori yang utama iaitu kognitif, behavioris, sosial dan humanis.

2.1.1 Teori Kognitif

Robert M.Gagne (1970) yang merupakan salah seorang daripada tokoh teori kognitif yang juga dikenali sebagai teori Gestalt mendefinisikan pembelajaran sebagai perubahan tingkah laku atau kebolehan seseorang yang dapat dikekalkan, tidak termasuk perubahan yang disebabkan oleh proses pertumbuhan. Daripada hasil kerja Gagne dan beberapa tokoh teori kognitif ini, Kidd (1973), telah mengutarakan pendapat tentang kepentingan pengaruh konsep *learning how to learn*. Konsep ini telah diterokai dengan mendalam oleh Smith (1982,1987), yang mana beliau lebih berminat dalam mengaplikasi konsep tersebut terhadap pembelajaran orang dewasa. Penyataan ini disokong oleh Faisal Mohamad (2003) yang menyatakan tenaga pengajar perlu berperanan sebagai pencetus pemikiran pelajar. Peranan ini menjadi amat penting kerana tenaga pengajar akan menjadi pembimbing untuk memandu pelajar menjalankan pembelajaran kendiri melalui konsep *self-paced, self-directed, and self-assessed*.

2.1.2 Teori Behavioris

Tokoh-tokoh teori behavioris seperti Pavlov, Thorndike dan Skinner berpendapat pembelajaran adalah berkaitan dengan perubahan tingkah laku. Kebanyakkan teori pembelajaran mereka ditumpukan kepada perhubungan ransangan dan gerak balas yang menghasilkan perubahan tingkah laku. Menurut mereka, tingkah laku pelajar boleh

diperhatikan, dikawal dan diramal (Mok Soon Sang, 2007). Menurut Merriam dan Caffarella (1991), menghasilkan perubahan tingkah laku terhadap keinginan kendiri adalah merupakan tujuan dalam pembelajaran bagi teori ini.

Dalam satu kajian yang dijalankan oleh Wan Su Hj Haron (2008) terhadap 210 pelajar universiti, terdapat hubungan negatif yang signifikan di antara pembolehubah tingkah laku devian dan personaliti pelajar universiti. Ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Monte & Fish (Schwarzer, Vander Ploeg & Spielberger, 1989) yang juga mendapati personaliti mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkah laku devian. Mereka yang takut gagal dalam matapelajaran akan melakukan tingkah laku meniru.

2.1.3 Teori Sosial

Teori yang dikemukakan oleh Bandura ini menyatakan pembelajaran adalah melalui proses pemodelan iaitu pembelajaran secara pemerhatian atau peniruan (Mok Soon Sang, 2007). Merriam dan Caffarella (1991), menyatakan lokus dalam pembelajaran bagi teori ini adalah perhubungan di antara manusia dan persekitaran. Manusia selalunya didorong untuk memodelkan diri sendiri mengikut orang lain. Bandura juga menyatakan bahawa persekitaran juga turut mendorong ke arah keadaan sedemikian. Sebagai contoh, seorang pelajar akan menukar bajunya semata-mata untuk melibatkan dan menyesuaikan diri dengan sesuatu kumpulan pelajar yang lain yang memakai baju yang sama (Omrod, J.E. 1999).

Senario ini dapat disesuaikan dengan kajian mengenai pendekatan psikologi dalam membimbing pelajar yang dijalankan oleh Omar, *et.al*, (2010), terhadap 51 orang pelajar sebuah kolej. Kajian ini mendapati bahawa sokongan dan motivasi dari para pensyarah

membantu pelajar dan ini dapat memotivasi para pelajar tersebut seterusnya sebagai kunci dalam proses pembelajaran. Kajian ini juga mendapati pelajar lebih mudah untuk mendapatkan sesuatu hasil daripada faktor-faktor luaran dan melalui kata-kata yang diungkapkan. Penyelidik kajian ini mencadangkan supaya pelajar perlu berusaha untuk memahami ciri psikologi yang dimiliki oleh mereka di samping rakan-rakan yang lain dan cuba untuk menerima serta menyesuaikan diri dengan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang dipraktikkan oleh institusi pendidikan. Teori pembelajaran sosial ini dapat dipertimbangkan sebagai penghubung atau transisi di antara teori behavioris dan teori kognitif (Omrod, J.E. 1999).

2.1.4 Teori Humanis

Ahli – ahli teori ini berpendapat setiap individu mempunyai cara belajar yang berbeza dengan individu yang lain. Rentetan itu, menurut Maslow dan Carl Rogers, setiap individu mempunyai potensi dan keinginan mencapai kecemerlangan kendiri. Carl Roger di dalam bukunya yang bertajuk *Freedom to Learn for the 80's* (1983) menghasilkan teori pembelajarannya dengan menyatakan beliau melihat bentuk rawatan dan pembelajaran mempunyai persamaan dari segi proses. Mengikut prinsip Carl Roger (1902-1987) keutamaan adalah lebih kepada pendidikan berpusatkan tenaga pengajar (*Learner-Center Education*) dan mengutamakan prinsip pembelajaran yang berasaskan kebebasan (*freedom to learn*). Ini jelas menunjukkan teori ini menyokong pembelajaran arahan kendiri seperti yang ditonjolkan di dalam pembelajaran orang dewasa (Merriam and Caffarella, 1991)

Menurut Mark K.Smith (1999, 2003) di dalam penulisannya bertajuk *Learning Theory* menyatakan jika di ambil kira pengertian pembelajaran pada era 1960an hingga

1970an kebanyakkan tokoh-tokoh pendidikan memberikan definisi pembelajaran sebagai perubahan tingkahlaku. Dalam erti kata lain, pembelajaran adalah berteraskan pendekatan output – produk akhir bagi beberapa proses. Ia boleh dikenalpasti atau dilihat. Pendekatan ini menyerlahkan lagi aspek penting di dalam pembelajaran iaitu perubahan. Pemahaman ini kelihatan jelas dan masuk akal apabila melaksanakan beberapa eksperimen.

Walaubagaimanapun, ia hanyalah instrumen yang agak tumpul. Sebagai contoh, adakah seseorang itu perlu menonjol hanya untuk menyebabkan sesuatu pembelajaran itu berlaku? Kedua, adakah faktor-faktor lain yang menyebabkan tingkahlaku itu berubah? Dan yang terakhir, adakah sesuatu yang melibatkan perubahan potensi boleh dikaitkan sebagai berlakunya perubahan? (Merriam and Caffarella, 1991). Perbahasan ini masih lagi diteruskan oleh tokoh-tokoh pendidikan sehingga ke hari ini. Ini adalah untuk menyumbang kepada pemahaman yang jelas terhadap pengertian sebenar pembelajaran agar aplikasi pembelajaran seterusnya dapat digunakan semaksimum mungkin.

2.2 Andragogi

Konsep “satu label baru dan satu teknologi baru” yang digunakan untuk membezakan pembelajaran di antara orang dewasa dan pra-dewasa telah dicadangkan oleh Malcolm Knowles (1968). Dalam kajian oleh Sharan B. Merriam (2001), konsep andragogi Eropah iaitu “seni dan sains dalam membantu pembelajaran orang dewasa”, dikatakan bertentangan dengan pedagogi untuk bantuan pembelajaran kanak-kanak walaupun berasaskan seni dan sains yang sama.

Artikel Knowles *Andragogy Not Pedagogy*, diterbitkan dalam *Adult Leadership* pada tahun 1968 adalah karya pertamanya berkenaan dengan andragogi. Manakala Lindeman